

11 OCT 1997

MASYARAKAT INDIA MUSLIM SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Majlis Madrasah India Muslim Malaysia (MIM) hari ini dengan sebulat suara melahirkan sokongan mereka kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MIM yakin Dr Mahathir boleh menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang.

Dalam satu kenyataan berita di sini, MIM juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri kerana telah melancarkan kempen kesedaran teknologi maklumat Koridor Raya Multimedia.

MIM juga telah mengadakan majlis bacaan doa untuk kejayaan program teknologi maklumat yang telah dirancangkan di perkarangan Madrastur Rahamania, Batu Tiga Kampong Jawa Klang malam ini.

Majlis itu juga telah mendoakan Dr Mahathir supaya beliau berjaya menentang tomanan media asing yang memburuk-burukkan beliau dan negara. --
BERNAMA

YBK RI